

**SMK SAUJANA IMPIAN
KM12, JALAN CHERAS
43100 KAJANG**

UJIAN 1	SEJARAH	MASA: 1JAM
---------	---------	------------

NAMA:

Arahan: Tiaptiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh **empat** jawapan pilihan iaitu **A, B, C** dan **D**. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan.

1	<p style="text-align: center;">Di Tanah Melayu British tidak bersedia menghadapi sebarang serangan dari luar.</p> <p>Pada pendapat kamu, mengapakah tanggapan ini berlaku?</p>
A	Tentera British sedang berperang di Eropah.
B	Tentera British tidak terlatih.
C	Tentera British tidak ramai.
D	Tanah Melayu sangat luas untuk dipertahankan.

2	<p style="text-align: center;">Leftenan Adnan tidak mahu menyerah kalah kepada Leftenan Jeneral Yamashita</p> <p>Apakah sikap penting yang terdapat pada Leftenan Adnan yang berjuang mempertahankan Singapura di Bukit Gap?</p>
A	Semangat berdikari.
B	Semangat setia kepada kawan.
C	Semangat sanggup berkorban.
D	Semangat jujur.

3	Apakah kesan langsung daripada peristiwa di bawah kepada penduduk di tanah Melayu?.	
	Kapal-kargo yang menghantar barang keperluan pertanian banyak yang telah ditenggelamkan oleh Tentera Berikat. Sekatan terhadap perhubungan telah melumpuhkan perdagangan.	
	A	Menyebabkan pokok getah ditebang dan diganti dengan tanaman ubi.
	B	Meningkatnya penyakit biri-biri dan malaria.
	C	Menyebabkan kekurangan makanan dan kebuluran.
	D	Menyebabkan berlakunya inflasi.

4	Pentadbiran Jepun	Bentuk pentadbiran
	Februari 1942	Tanah Melayu disatukan dengan Sumatera
	April 1943	Tanah Melayu diasingkan dari Sumatera
	Pada pendapat anda, mengapakah pembentukan pentadbiran di atas berlaku?	
A	Masalah kekurangan pegawai	
B	Masalah pertahanan	
C	Masalah penentangan penduduk tempatan	
D	Masalah kos pentadbiran.	

5	<ul style="list-style-type: none"> • Liga kemerdekaan India cawangan Sarawak • Persatuan Cina seberang laut • Perhimpunan rakyat 	
	Di atas adalah senarai persatuan-persatuan yang wujud di Sarawak semasa pentadbiran Jepun. Ia mempunyai kesan persamaan dengan pentadbiran Brooke, iaitu	
	A	ia menyemai ciri kepimpinan masyarakat setempat
	B	ia menggalakkan perkembangan semangat nasionalisme
	C	ia menggalakkan kemunculan parti-parti politik
D	ia telah menebalkan semangat perkauman.	

6	Setiap keluarga di Tanah Melayu diwajibkan mempunyai sijil kehidupan dan kematian pada zaman pendudukan Jepun.	
	Pada pendapat anda, mengapakah sijil ini diperkenalkan oleh pentadbiran Jepun?	
	A	Untuk memudahkan kawalan dan pentadbiran.
	B	Untuk merekodkan maklumat kelahiran
	C	Untuk mengawal peruntukan makanan
D	Untuk mengawal pertumbuhan penduduk.	

7	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">Tarikh</th> <th>Peristiwa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">10 oktober 1943</td> <td>Pemberontakan Double Tenth oleh Gerila Kinabalu telah mengancam pentadbiran Jepun di Sabah</td> </tr> </tbody> </table>		Tarikh	Peristiwa	10 oktober 1943	Pemberontakan Double Tenth oleh Gerila Kinabalu telah mengancam pentadbiran Jepun di Sabah
	Tarikh	Peristiwa				
	10 oktober 1943	Pemberontakan Double Tenth oleh Gerila Kinabalu telah mengancam pentadbiran Jepun di Sabah				
	Apakah tindakan yang dilakukan oleh Jepun bagi mengukuhkan selepas peristiwa di atas?					
	A	Jepun telah melantik pembesar tempatan ke dalam pentadbiran.				
B	Jepun memerintah dengan lebih kejam					
C	Jepun memindahkan pusat pentadbiran ke Kuching.					
D	Jepun memindahkan pusat pentadbiran ke Sandakan.					

8	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">Tarikh</th> <th>Peristiwa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Mei 1945</td> <td>Beribu-ribu orang Cina telah berpindah ke hutan dan membuka kawasan setinggan.</td> </tr> </tbody> </table>		Tarikh	Peristiwa	Mei 1945	Beribu-ribu orang Cina telah berpindah ke hutan dan membuka kawasan setinggan.
	Tarikh	Peristiwa				
	Mei 1945	Beribu-ribu orang Cina telah berpindah ke hutan dan membuka kawasan setinggan.				
	Bagaimanakah peristiwa di atas telah mengugat kedudukan Jepun di Asia?					
	A	Jepun tidak mendapat bekalan senjata				
B	Jepun menjadi sasaran serangan kuasa Berikat					
C	Jepun tidak mendapat bekalan tentera					
D	Jepun tidak mendapat maklumat ketenteraan.					

9	Tarikh	Peristiwa
	1942-1945	Beribu-ribu orang Cina telah berpindah ke hutan dan membuka kawasan setinggan.
Mengapakah keadaan di atas berlaku?		
A	Kerana Jepun bertindak kejam kepada orang Cina	
B	Kerana orang Cina ingin bercucuk tanam menyara kehidupan	
C	Kerana orang Cina menganggotai PKM	
D	Kerana mereka bimbang dihantar pulang ke China.	

10	Tentera Jepun berjaya menguasai Tanah Melayu dan Singapura dalam masa dua bulan	
	Apakah faktor utama yang membantu kejayaan tentera Jepun?	
A	Mendapat bantuan orang Melayu	
B	Menggunakan helah yang mengelirukan Inggeris	
C	Mempunyai semangat yang tinggi	
D	Tentera British tidak mempunyai semangat yang tinggi.	

11	Eliab Bay Empenit Adam Satem	
	Nyatakan ciri persamaan yang terdapat pada ketiga-tiga pemimpin Sarawak di atas?	
A	Mereka terbabit menentang pentadbiran Jepun.	
B	Mereka adalah anggota Gerila Kinabalu	
C	Mereka menentang pentadbiran British	
D	Mereka dilantik menjadi pegawai dalam pentadbiran Jepun.	

12	<p style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 0;">Jepun memulakan serangan ke atas Tanah Melayu dari arah utara menuju ke selatan</p> <p>Apakah kelebihan Jepun menyerang Tanah Melayu dari arah utara?</p>
A	Jepun tidak mahu bertembung dengan pengkalan kubu Inggeris di selatan.
B	Jepun mendapat kebenaran mendarat di Kedah dan Kelantan.
C	Jepun mendapat bekalan senjata dan sokongan dari pihak Siam.
D	Jepun mendapat sokongan orang-orang tempatan di pantai timur.

13	<p style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 0;">British telah musnahkan lombong minyak di Lutong dan Miri sebelum menyerah kalah</p> <p>Mengapakah British berbuat demikian?</p>
A	Adalah taktik gerila bagi menakutkan serta mengelirukan Jepun.
B	Adalah taktik pecah belah dan perintah di mana perpaduan tidak akan wujud antara pelbagai kaum di sana.
C	Adalah taktik bumi hangus supaya Jepun tidak memperolehi apa-apa hasil ekonomi.
D	Adalah taktik gerakan bawah tanah British di mana penginapan dijalankan dan gerak-geri Jepun dikawal.

14.	<p style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 0;">Pasukan polis tentera yang terkenal semasa zaman Jepun dikatakan zalim. Tugas pengintipannya telah menyebabkan ramai penduduk Tanah Melayu sengsara.</p> <p>Apakah nama bagi pasukan polis tentera yang dimaksudkan di atas?</p>
A	Guseikan
B	Kempeitei
C	Kamigayo
D	Giyu Gan

15.	Semasa penduduk Jepun di Tanah Melayu pada 1941, Jepun telah mengubah sistem pendidikan Tanah Melayu dengan cara 'Penjepunan'	
	Mengapakah Jepun berbuat demikian?	
	A	Jepun ingin menghapuskan pendidikan barat.
	B	Jepun ingin menjadikan 'nikongo' sebagai bahasa terunggul di Asia.
	C	Jepun ingin melahirkan kesetiaan kepada Maharaja jepun dan Kerajaan Jepun
D	Jepun ingin lenyapkan bahasa Mandarin di Asia.	

16.	Peristiwa di atas berlaku setelah Jepun menyerah kalah pada tahun 1945. Siapakah 'musuh' yang dimaksudkan di atas?	
	A	Tentera British
	B	Tentera Bintang Tiga
	C	Tentera komunis
	D	Tentera musuh Jepun

17.	Selepas mengalahkan Jepun, British telah menegakkan semula pemerintahan di Tanah Melayu. Sistem pemerintahan tersebut ialah	
	A	Pentadbiran Pecah dan Perintah.
	B	Pentadbiran Malayan Union.
	C	Pentadbiran Tentera British
	D	Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.

18	Pentadbiran Tentera British bertujuan untuk mewujudkan keamanan di Tanah Melayu	
	British menghadapi masalah dalam mencapai objektif tersebut. Apakah kerumitan yang hadapi?	
	A	Masalah pergaduhan kaum
	B	Masalah perasaan anti British
	C	Masalah Bintang Tiga
D	Masalah kewangan	

19.	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>Sultan-sultan kehilangan kuasa di bawah pentadbiran Malayan Union</p> </div> <p>Pernyataan ini benar kerana</p>
A	Sultan dihalang melantik ahli rasmi dan bulan rasmi
B	Sultan berkuasa dalam hal-ehwal adat istiadat dan Islam
C	Sultan hanya perlu menandatangani undang-undang.
D	Sultan dikehendaki meminta nasihat daripada Residen Commissioner.

20	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>Sir Harold MacMichael dilantik sebagai wakil khas British bagi memperoleh persetujuan sultan-sultan bagi pelaksanaan Malayan Union.</p> </div> <p>Beliau memaksa sultan-sultan memberi persetujuan dengan cara</p>
A	Menuduh sultan-sultan bersubahat dengan Jepun semasa Perang Dunia kedua.
B	Merampas kuasa sultan memungut cukai tempatan.
C	Memaksa sultan-sultan turun dari takhta.
D	Melantik sultan-sultan baru.

21	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>.....dari pandangan sepintas lalu dapatlah diketahui bahawa Malayan Union itu menguntungkan orang-orang bukan Melayu.Terbitan akhbar 12 Oktober 1945</p> </div> <p>Mengapakah kenyataan di atas berbunyi sedemikian?</p>
A	Orang-orang bukan Melayu mendapat hak kerakyatan jus soli
B	Orang-orang bukan Melayu berpeluang merangka perlembagaan Malayan Union
C	Orang-orang bukan Melayu telah menguasai kekayaan dan ekonomi negara.
D	Orang-orang bukan Melayu telah diberi hak politik di Tanah Melayu

22	<p>“Suatu perkara yang telah menarik hati saya ialah saya dapati wanita Melayu, yang masa saya berada di sini dahulu, tidak pernah mengambil bahagian sama sekali di dalam hal ehwal orang ramai, sekarang, mereka memberi ucapan di tengah-tengah orang ramai.”</p> <p>Pernyataan yang dikemukakan oleh kapten Gammans di atas menunjukkan bahawa</p>
A	Kaum wanita seaming peka terhadap isu-isu semasa
B	Kaum wanita mempunyai semangat politik yang kuat.
C	Kaum wanita yang berpendidikan seaming bertambah
D	Kaum wanita berani bersuara untuk menuntut hak.

23	Mengapakah British terpaksa mengalah dalam isu ini?
A	Bantahan kuat daripada AMCJA-PUTERA
B	Bantahan kuat daripada orang Melayu.
C	Bantahan kuat daripada kerajaan British
D	Bantahan kuat daripada Malayan Democratic Union.

24	<p>Jawatankuasa kerja yang ditubuhkan setelah pembubaran Malayan Union bagi membincangkan pembentukan sebuah perlembagaan baru bagi Tanah Melayu telah dikritik.</p> <p>Kritikan seperti di atas telah dipelopori oleh</p>
A	All Malayan Council of Joint Action (AMCJA)
B	Angkatan Pemuda Insaf (API)
C	Malayan Demokratik Union (MDU)
D	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

25	Pada April 1947, AMCJA-PUTERA telah mengemukakan perlembagaan Rakyat kepada British. Apakah reaksi British terhadap perlembagaan Rakyat ini?.
A	Menolak sama sekali perlembagaan ini
B	Menerima perlembagaan ini dengan hati terbuka.
C	Mengkritik perlembagaan tersebut.
D	Mengubahsuai perlembagaan ini.

26	<p>Gagasan Malayan Union mengandungi Majlis Mesyuarat Undangan dan Majlis Kerja.</p>
	<p>Antara berikut yang manakah fungsi Majlis Kerja?</p>
A	Melaksanakan pentadbiran.
B	Menggubal undang-undang
C	Menasihati gabenor
D	Mengurus hal-ehwal luar negara.

27	<p>Cecil Clementi Smith George Maxwell Richard Winstedt</p>
	<p>Apakah ciri persamaan yang terdapat pada tokoh-tokoh di atas?</p>
A	Mereka pernah menjadi Residen Jeneral di Tanah Melayu.
B	Mereka mendesak supaya British memberi kerajaan sendiri di Tanah Melayu.
C	Mereka adalah bekas pegawai British yang menentang Malayan Union.
D	Mereka pernah dilantik menjadi Gabenor dalam Persekutuan Tanah Melayu.

28.	<ul style="list-style-type: none"> • Jahanam MacMichaelisme • MacMichael Imperialisme
	<p>Berdasarkan petikan di atas, mengapa orang Melayu begitu membenci Harold MacMichael?</p>
A	MacMichael telah memecat pembesar-pembesar tempatan.
B	MacMichael telah mengambil alih hak mengutip cukai.
C	MacMichael telah mengugut Sultan-sultan untuk menerima Malayan Union.
D	MacMichael telah mencadangkan Penubuhan Malayan Union.

29.	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>Kerajaan British telah memperkenalkan sistem pemerintahan baru Malayan Union iaitu pembentukan sebuah kerajaan pusat.</p> </div> <p>Apakah tujuan British membentuk kerajaan pusat ini?</p>
A	Untuk menguasai semula Tanah Melayu.
B	Untuk melaksanakan sistem pentadbiran tentera di Tanah Melayu.
C	Untuk menyerahkan semula kuasa pemerintahan kepada sultan-sultan.
D	Untuk membentuk pentadbiran yang cekap dan seragam.

30.	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>Kongres Melayu yang dihadiri oleh 41 buah persekutuan di seluruh Tanah Melayu bertujuan untuk menyatukan orang Melayu menentang Malayan Union.</p> </div> <p>Apakah perkara utama yang menyebabkan orang Melayu bangkit menentang Malayan Union?</p>
A	Kerana membantah cara MacMichael mendapat tandatangan sultan.
B	Kerana tidak berpuas hati dengan kedudukan sultan dan hak kerakyatan.
C	Kerana ingin membentuk kerajaan sendiri yang merdeka.
D	Kerana membantah tindakan British tidak memasukkan Singapura.

31	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>Laporan Gammas dan Rees William tidak menghalang British untuk mengisytiharkan perasmian Malayan Union pada 1 April 1946.</p> </div> <p>Apakah kesan langsung daripada pengisytiharan gagasan Malayan Union ini?</p>
A	Orang Melayu terpaksa menerima Malayan Union.
B	Orang Melayu telah melakukan pemberontakan terhadap Inggeris.
C	Orang Melayu memulaukan upacara tersebut.
D	Orang Melayu kehilangan hak istimewa.

32	<p>PUTERA tidak bersetuju dengan Laporan Jawatankuasa Kerja mengenai perlembagaan baru Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union.</p>
	<p>Mengapakah parti politik berhaluan kiri ini tidak bersetuju?</p>
A	Kerana pembentukan perlembagaan Persekutuan tanah Melayu tidak demokratik.
B	Kerana kedudukan raja dan orang Melayu terjejas.
C	Kerana ahli jawatankuasa ini sangat bertolak ansur kepada British.
D	Kerana British membenarkan amalan kerakyatan secara jus soli.

33	<p>Perlembagaan baru Persekutuan Tanah Melayu yang diisytiharkan pada Februari 1948 telah diterima oleh Raja-raja Melayu dan UMNO.</p>
	<p>Pada pendapat anda, mengapa perlembagaan ini telah diterima?</p>
A	Kerana ia digubal oleh raja dan UMNO.
B	Kerana perlembagaan ini telah menjamin kedudukan bahasa Melayu.
C	Kerana perlembagaan ini telah menyerahkan kuasa dan kedaulatan kepada raja-raja Melayu.
D	Kerana ia menjamin kedudukan sultan dan hak orang Melayu

34	<p>British telah menolak Perlembagaan Rakyat yang ditaja oleh AMCJA-PUTERA</p>
	<p>Mengapakah British menolak perlembagaan tersebut?</p>
A	Kerana perlembagaan tersebut mendesak British memberi kemerdekaan
B	Kerana perlembagaan itu mendesak British mengadakan pilihanraya
C	Kerana perlembagaan tersebut tidak menjamin kedudukan sultan-sultan.
D	Kerana British enggan bekerjasama dengan parti politik yang diperalatkan oleh komunis.

35	Pentadbiran Malayan Union memperuntukkan Penubuhan Majlis Mesyuarat Undangan dan Majlis Penasihat
	Apakah bidang kuasa Majlis Penasihat dalam Malayan Union?
A	Memelihara hak politik orang-orang Melayu.
B	Mengendalikan hal-ehwal adat dan agama Islam.
C	Menjalankan tugas penggubalan undang-undang.
D	Menjalankan pentadbiran kerajaan negeri.

36	Amir: Akhbar ini menyeru supaya orang Melayu bersatu dalam kongres dan mencadangkan penubuhan pertubuhan kebangsaan.
	Pada pendapat anda, Amir dalam petikan di di atas telah membaca akhbar.....
A	Warta negara
B	Saudara
C	Utusan Melayu
D	Majlis

37	<pre> graph TD X[X] --> G[Gabenor] G --> MP[Majlis Mesyuarat Perundangan] G --> MK[Majlis Mesyuarat Kerja] </pre>
	Rajah di atas merujuk kepada pentadbiran pusat Malayan Union yang diperkenalkan oleh British. X dalam rajah di atas ialah
A	Gabenor Jeneral
B	Residen Jeneral
C	Pesuruhjaya Tinggi
D	Sultan

38	PUTERA adalah gabungan parti politik Melayu berhaluan kiri yang ditubuhkan pada 22 Februari 1947. Ia ditubuhkan bertujuan
A	Menentang perlembagaan Malayan Union 1945
B	Menentang perlembagaan persekutuan Tanah Melayu 1948.
C	Menubuhkan kerajaan Republik Komunis
D	Memerdekakan Tanah Melayu

39	Pengenalan Malayan Union mendapat tentangan daripada orang-orang Melayu. Bagaimana penentangan dilakukan?
I	Mempamerkan sepanduk
II	Semulau majlis perasmian
III	Melancarkan serangan
IV	Memakai songkok berlilit kain putih
A	I, II, III
B	I, II, IV
C	I, III, IV
D	II, III, IV

40	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) ditubuhkan pada 4 Mac 1946. Berikut adalah tentang UMNO,
I	UMNO bermatlamat untuk menentang pelaksanaan Malayan Union
II	UMNO diasaskan oleh Dato' Onn bin Jaafar
III	UMNO diwakili oleh Datuk Panglima Bukit Gantang untuk mengutus surat kepada Perdana Menteri British
IV	UMNO menjemput dua orang ahli Parlimen British untuk menyaksikan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.
A	I, II, III
B	I, II, IV
C	I, III, IV
D	II, III, IV

Kertas soalan tamat